

Poligami bukan untuk suka-suka

Sinar HARIAN 28/08/2018 M1537

Suami empat isteri akui hidup berpoligami bukan mudah, tidak mahu anak-anak ikut jejak langkah

MOHD AZLIM ZAINURY

MARANG

Perka utama yang perlu dijadikan pegangan ketika memilih untuk hidup berpoligami ialah tahu akan tanggungjawab sebagai suami dan menjadi pemimpin keluarga yang besar.

Bercakap melalui pengalamannya dalam berpoligami, Mohd Nor Awang, 66, mengakui bahawa bukan mudah sebenarnya untuk berpoligami, apatah lagi memikul tanggungjawab kepada empat isteri.

Malah, ketua keluarga ini sempat berpesan kepada semua 18 orang anaknya sambil menegaskan poligami itu memerlukan kesungguhan dan juga keikhlasan dalam setiap tindakan diambil.



Mohd Nor mengakui bukan mudah sebenarnya untuk berpoligami, bukan dua isteri tetapi empat isteri.

Perkahwinan bukan perkara main-main, jika mempunyai seorang isteri pun sudah tidak mampu untuk menjadi sebagai seorang ketua keluarga yang baik, tidak mungkin mampu untuk beristeri lebih.

"Apa guna kalau kita mampu untuk berkahwin ramai jika suasana keluarga tidak aman dan ia adalah perkara yang tidak sepatutnya berlaku," katanya yang menetap di Kampung Tok Fakir, di sini.

Beliau berpesan kepada kaum lelaki yang berhasrat untuk berkahwin lebih daripada seorang agar mengenali diri sendiri, tahu keupayaan yang ada agar dapat memikul amanah sebaiknya.

"Bukan untuk suka-suka. Apabila kita memilih poligami, kita perlu ikhlas dan tahu tanggungjawab kita. Perlu penuhinya dengan kasih sayang dalam setiap perbuatan kita," katanya kepada Sinar Harian.

Mohd Nor lebih mesra dipanggil Abe Nor mempunyai empat isteri, Wan Rukiah Mat Yusoff, 62, Khalthum Dollah, 49, Noraini Daud, 50, dan Suzi Sulong, 44, dikahwini antara 1973 hingga 2008.

Perlu bijak selesai masalah

Mohd Nor memiliki 18 anak berusia antara 14 hingga 44 tahun dengan lima daripada sembilan anak lelaki sudah berkahwin dan mempunyai lebih 20 cucu. Masalah akan bertambah tiga lagi tahun ini.

Namun, dia tidak menafikan akan ada hati yang terasa tetapi sebagai nakhoda dia perlu mencari penyelesaian terbaik sambil memberitahu bukan senang berpoligami dan juga bukan perkara untuk suka-suka.

Apa guna kalau kita mampu untuk berkahwin ramai jika suasana keluarga tidak aman dan ia adalah perkara yang tidak sepatutnya berlaku." - Mohd Nor

Dia turut mengingatkan mana-mana pihak yang mempunyai niat tidak baik dalam berpoligami supaya melupakan sahaja niat tersebut.

"Jujur, ikhlas, kasih sayang, benda itu kalau seorang atau ramai kena ada, paling penting kasih sayang dan sebagai ketua keluarga besar ini kita kena dan perlu pupuk kasih sayang ini agar keluarga bahagia.

"Seluruh keluarga saya juga akan berkumpul sebulan sekali bagi mengeratkan hubungan kami, sembahyang hajat, baca yasin bersama. Sebagai ketua keluarga kita perlu menyatukan mereka semua," katanya.

Selain persefahaman katanya, faktor kewangan juga penting bagi memastikan setiap isterinya dapat menjalani kehidupan baik dan setakat ini Abe Nor bersyukur dengan rezeki diperoleh.

"Kalau orang bercakap biasanya berkata, anak adalah sumber rezeki tetapi bagi Abe Nor, bukan sahaja anak tetapi isteri juga sumber rezeki. Semakin ramai isteri, rezeki juga semakin bertambah," katanya.

Kebahagiaan tidak datang bergolek

Ketika ditanya antara pengalaman tidak dapat dilupakan, beliau berkata, antaranya ialah tiga isterinya mengandung serentak dan melahirkan anak pada tahun sama seterusnya berpantang dalam masa sama.

Menurutnya, walaupun kelihatan bahagia dengan kehidupan sekarang namun kebahagiaan itu tidak datang bergolek malah perlu melalui pelbagai cabaran mungkin tidak mampu dilalui oleh orang lain.

Enggan berkongsi saat sukar, beliau juga tidak mahu anak-anaknya mengikut jejak langkahnya kerana tidak yakin mereka mampu memikul tanggungjawab berkahwin lebih daripada seorang.

Percaya seseorang bapa lebih tahu kemampuan anak-anaknya, Abe Nor berkata, setakat ini tiada antara anak-anaknya yang berhasrat berpoligami kerana mengakui tanggungjawab itu sangat berat.

"Setakat ini, anak-anak tidak pernah menyatakan hasrat mereka untuk menambah 'cawangan', jika ada pasti Abe Nor akan menjadi orang pertama yang membangkang keputusan itu," katanya.

Beliau berpendirian demikian demi memastikan semua

anak-anaknya termasuk menantu dan lebih 20 cucunya hidup dalam suasana dipenuhi kasih sayang.

Abe Nor ketika ditemui ditemani isteri kedua, Khalthum dan isteri ketiga, Noraini dan pertemuan diadakan di rumah Noraini kebetulan giliran bermalam di rumah isteri ketiganya itu.

Bagi Noraini, dalam hubungan suami isteri, mereka berkongsi suka duka kehidupan dan sebagai sebuah keluarga besar mereka tabah berhadapan kehidupan di masa susah dan senang.

"Kami berkongsi semua perkara, paling penting setiap perkara dilakukan, dibuat secara bersama dengan nilai nilai kasih sayang yang tinggi. Sebagai sebuah keluarga besar. Insya-ALLAH," katanya.

Khalthum berkata, faktor tolak ansur juga menjadi antara kunci kejayaan mereka berempat hidup bahagia sebagai sebuah keluarga besar sehingga kini.



Mohd Nor mempunyai empat isteri dari kiri, Suzi, Khalthum, Wan Rukiah dan Noraini.